

PENERBITAN ARTIKEL OLEH JABATAN KHIDMAT KORPORAT 2025

TERBITAN : DEWAN EKONOMI | INFO CUKAI

KELUARAN : APRIL 2025

TAJUK : PELAKSANAAN TADBIR URUS PERCUKAIAN KORPORAT

Info Cukai Oleh: HASiL



Pelaksanaan Tadbir Urus Percukaian Korporat

Program Tadbir Urus Percukaian Korporat atau *Tax Corporate Governance* (TCG) ialah inisiatif kerjasama pematuhan oleh HASiL untuk mempraktikkan proses pematuhan cukai yang adil dan berkesan di Malaysia. Melalui program ini, HASiL memfokuskan kecekapan dan keberkesanan tadbir urus percukaian dalam sesebuah organisasi. Program ini merupakan suatu platform antara HASiL dengan pembayar cukai untuk bekerjasama bagi menambah baik urusan pematuhan cukai korporat sesebuah organisasi berdasarkan prinsip kepercayaan, kerjasama dan ketelusan antara kedua-dua pihak. Pelaksanaan program ini bagi memastikan organisasi dapat mengenal pasti, merekodkan dan mengawal risiko percukaian serta mengurus hal ehwal percukaian dengan beretika mengikut undang-undang percukaian.

HASiL juga telah menyediakan rujukan kepada pembayar cukai tentang pelaksanaan prinsip dan tatacara pengurusan risiko percukaian menerusi Rangka Kerja Tadbir Urus Percukaian Korporat atau dikenali sebagai *Tax Corporate Governance Framework* (TCGF). Program TCG dilaksanakan menerusi dua fasa. Fasa pertama melibatkan projek rintis bermula 1 Jun 2022 hingga 30 Jun 2024. Sebanyak sebelas penyertaan rasmi telah diterima sepanjang tempoh tersebut dengan tujuh daripadanya telah selesai menjalani proses semakan serta disahkan penyertaannya. Fasa kedua bermula pada 1 Julai 2024 dengan penyertaan program adalah terbuka kepada pembayar cukai yang memenuhi kriteria program.

Kriteria Penyertaan

Program TCG disediakan untuk semua jenis perniagaan sama ada kecil atau besar yang memberikan keutamaan kepada isu tadbir urus korporat. Organisasi yang berminat perlu mematuhi syarat kelayakan seperti yang berikut:

1. Syarikat dengan perolehan RM100 juta dan ke atas;
2. Syarikat yang mempunyai rekod pematuhan cukai yang baik berdasarkan pematuhan pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP), bayaran ansuran CP204 dan bayaran baki cukai; serta
3. Syarikat yang mempunyai rangka kerja kawalan cukai yang efektif dan berkesan.

Pada masa ini, penyertaan TCG adalah digalakkan kepada organisasi seperti yang berikut:

1. Mempunyai struktur dan model perniagaan sederhana hingga kompleks;
2. Terlibat dalam transaksi yang banyak;
3. Memberikan penekanan kepada pengurusan risiko cukai sebagai sebahagian daripada tadbir urus korporat mereka;
4. Bergantung pada sistem dan proses menjanakan data yang tepat bagi sesebuah organisasi untuk tujuan pelaporan kewangan dan cukai; dan
5. Memupuk ketelusan dan keterbukaan semasa berurusan dengan HASiL.

Pelabur pada masa ini semakin memandang serius tentang kaedah organisasi perniagaan mengurus dan melaporkan cukai mereka. Sehubungan dengan itu, syarikat tersenarai atau *Public Listed Companies* (PLCs) yang berkecayaan amat digalakkan untuk menyertai program ini. Tiada sebarang pengenaan yuran kepada organisasi yang berminat untuk menyertai program ini.

DEWAN EKONOMI | BIL. 04/2025 49

Proses Pelaksanaan

Bagi proses pertama, organisasi perlu bersiap sedia untuk:

- i. Memenuhi prasyarat kriteria penyertaan program;
- ii. Membuat penilaian awal rangka kerja tadbir urus percukaian korporat organisasi secara sendiri;
- iii. Menghantar borang penyertaan (notis penerimaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyerahan borang penyertaan) kepada HASiL.

Proses kedua melibatkan semakan oleh penyemak bebas yang dilantik sendiri oleh organisasi yang menyertai program TCG. Fungsi penyemak bebas adalah untuk menilai TCGF. Penyemak bebas boleh dilantik dalam kalangan entiti perakaunan awam atau pasukan audit dalaman yang bebas daripada fungsi perakaunan dan percukaian. Sebagai syarat, ahli pasukan perlu terdiri daripada pengamal cukai yang bertauliah.

Proses ketiga adalah dengan mengemukakan laporan penilaian semakan sendiri dan laporan penemuan yang disediakan oleh penyemak bebas kepada HASiL dalam tempoh enam bulan dari tarikh kelulusan penyertaan.

Proses keempat ialah penilaian oleh HASiL. Pihak HASiL akan menyemak dokumen yang dikemukakan dan menjalankan libat urus bersama-sama dengan organisasi bagi memahami dan menilai tahap kematangan tadbir urus percukaian organisasi. Proses semakan akan dilaksanakan secara dua fasa, iaitu semakan kecukupan dan semakan keberkesanan. Penilaian oleh HASiL akan dilakukan dalam tempoh enam bulan dari tarikh pengemukakan.

Proses kelima adalah dengan menunggu keputusan penilaian oleh HASiL. Setelah keputusan dibuat, organisasi terlibat akan menerima pensijilan status penyertaan program. Kelima-lima proses ini secara keseluruhannya akan mengambil masa antara lapan bulan hingga 12 bulan dan kebarangkalian untuk pelanjutan tempoh masa tertakluk pada kelulusan HASiL. Tempoh sah laku status lulus bagi organisasi terlibat adalah selama tiga tahun.

Manfaat Program

Organisasi yang menyertai program ini akan dapat menikmati manfaat penyertaan seperti yang berikut:

1. Mengurangkan penelitian terhadap aktiviti pematuhan yang tiada tindakan audit dan penyiasatan akan dimulakan oleh HASiL bagi tempoh tiga tahun sebaik sahaja penyertaan syarikat disahkan dalam program TCG;
2. Mempercepat proses pembayaran balik cukai untuk peserta yang patuh dengan syarat tiada anomali atau perbezaan dicatatkan. Pembayaran itu juga tertakluk pada kelulusan pengurusan HASiL;
3. Pelantikan pegawai cukai khas untuk membantu mengendalikan urusan cukai organisasi yang terlibat. Pegawai cukai yang dilantik akan menjadi pegawai perantara antara pembayar cukai dengan HASiL. Hal ini dapat memudahkan capaian komunikasi dengan HASiL dalam menangani sebarang isu teknikal; dan
4. Organisasi yang patuh juga layak diberikan pertimbangan keutamaan bagi ketetapan awal isu teknikal.

Melalui pelaksanaan program TCG, jalinan kerjasama antara pihak HASiL dengan pembayar cukai dapat ditingkatkan menerusi persefahaman antara kedua-dua pihak. Usaha ini akan meningkatkan kepercayaan pihak berkepentingan terhadap organisasi berdasarkan sistem kawalan dalaman dan budaya tadbir urus yang mampan.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung penyertaan dalam program TCG serta maklumat lain yang berkaitan dengannya boleh dikemukakan menerusi e-mel kepada tcg@hasil.gov.my.



Kuiz Pelaksanaan Tadbir Urus Percukaian Korporat

D	U	I	T	A	P	E	B	K	P	Z	U	I	W	W	G	T	O	A
U	O	I	F	W	E	E	P	I	G	K	T	R	U	G	W	E	I	R
T	G	X	U	H	U	M	U	P	B	S	E	K	A	K	R	Q	D	G
A	T	U	N	N	A	H	U	T	A	M	E	P	E	T	A	I	S	
F	U	M	P	T	L	H	D	N	M	M	A	L	A	Y	S	I	A	I
E	A	L	O	R	H	A	S	I	L	A	A	I	E	O	Y	N	A	P
Q	A	K	E	E	D	U	A	P	A	T	E	M	P	A	T	N	I	I
S	K	J	S	K	R	E	K	O	T	T	R	A	N	S	A	K	S	I
H	T	U	I	B	K	A	F	A	P	R	O	S	E	S	A	O	A	S
A	A	M	O	W	M	H	A	L	P	I	H	A	K	U	T	L	S	S
S	A	T	U	A	B	I	T	E	B	N	C	P	H	J	A	E	I	P
I	K	U	T	S	B	A	B	R	K	O	N	S	E	P	U	H	N	Y
K	I	R	A	X	B	O	A	A	U	D	A	I	A	R	B	I	A	B
P	E	N	G	O	K	U	T	K	A	E	O	D	E	M	A	K	G	Z
P	E	N	U	T	U	H	Y	U	N	T	A	K	P	E	R	A	R	F
S	I	A	D	A	K	U	U	S	E	T	S	A	E	C	D	U	O	D
H	Y	T	B	I	T	A	X	P	L	O	R	N	A	R	U	Y	U	A
W	A	N	G	I	R	L	J	I	K	A	A	I	N	G	K	U	T	Z
E	E	A	A	T	I	A	A	R	U	R	T	F	I	A	K	U	C	

- Program Tadbir Urus Percukaian Korporat (TCG) merupakan suatu platform antara HASiL dengan pembayar cukai untuk bekerjasama bagi menambah baik urusan _____ cukai korporat sesebuah organisasi berlandaskan konsep saling mempercayai, saling memahami dan komunikasi secara terbuka dan jujur antara kedua-dua pihak.
- Proses TCG _____ atau yang terakhir adalah dengan menunggu keputusan penilaian oleh HASiL. Setelah keputusan dibuat, organisasi terlibat akan menerima pensijilan status penyertaan program.
- Proses TCG ketiga adalah dengan mengemukakan laporan penilaian semakan _____ dan laporan penemuan yang disediakan oleh penyemak bebas kepada HASiL dalam tempoh enam bulan dari tarikh kelulusan penyertaan.
- Tiada _____ dikenakan kepada organisasi yang berminat untuk menyertai program TCG sepanjang program dijalankan.
- Antara manfaat program TCG termasuklah tiada tindakan audit dan penyiasatan oleh HASiL bagi tempoh _____ tahun sebaik sahaja penyertaan syarikat disahkan.
- Organisasi yang terlibat dalam _____ yang banyak digalakkan untuk menyertai program TCG.
- Program TCG dilaksanakan menerusi dua fasa. Fasa _____ yang melibatkan projek rintis bermula 1 Jun 2022 hingga 30 Jun 2024.
- Tujuan pelantikan pegawai cukai khas adalah untuk membantu _____ yang terlibat dalam mengendalikan urusan cukai.
- Program TCG ialah satu daripada usaha HASiL untuk meningkatkan kadar pematuhan cukai secara _____.
- Syarikat yang berminat untuk menyertai program TCG perlu mematuhi syarat kelayakan antaranya mempunyai _____ pematuhan cukai yang baik.

Peraturan

- Peraduan ini terbuka kepada pembaca majalah *Dewan Ekonomi* berumur antara 15 tahun hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tidak dibenarkan menyertai peraduan ini.
- Setiap penyertaan mesti disertakan dengan:
 - Nama:
 - Alamat Rumah:
 - Nombor Kad Pengenalan:
 - Nombor Telefon:
 - Nama Bank:
 - Nombor Akaun Bank: (Akaun Milik Peserta)
 - E-mel:
- Jawapan hendaklah dihantar kepada LHDNM selewat-lewatnya pada 30 April 2025 melalui e-mel yang berikut:
 - azizi.mamat@hasil.gov.my
 - muhammadhisham@hasil.gov.my
- Pemilihan pemenang adalah berdasarkan "siapa cepat, dia dapat" dan keputusan jawatankuasa adalah muktamad. Sebarang permohonan rayuan atau bantahan yang dikemukakan tidak akan dilayan.

Hadiah Menarik!

"RM100 Menanti Lima Pemenang yang Tepat dan Terpantas!"